

SIFRUL ARQAM

Khaled Bin Mat
SK. Besout 4, Sungkai, Perak

Projek inovasi SIFRUL ARQAM ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid-murid Tahun 3 Amanah yang sebilangan besarnya lemah dalam pembelajaran “Al-Raqmu” atau nombor dalam bahasa Arab agar cepat memahami dan menguasainya dengan baik. Seramai 24 orang murid dan seorang guru j-QAF dengan bantuan beberapa orang guru Pendidikan Islam telah terlibat dalam projek inovasi ini.

Tinjauan awal mendapati kebanyakan murid Tahun 3 Amanah sememangnya lemah dalam Bahasa Arab. Kegagalan murid menguasai maharatul-qiraah (kemahiran membaca) dan maharatun-nutqi (kemahiran bertutur) dengan baik menyebabkan mereka gagal untuk mengingat, menghafaz dan menyebut (bertutur) kalimah Arab dengan sewajarnya. Masalah ini semakin bertambah apabila guru mengajar murid-murid tentang nombor atau “Al-Raqmu” kerana memerlukan maharatut-tafkir (kemahiran berfikir) dan mengembangkan kalimah-kalimah nombor yang asas.

Sehubungan dengan itu, saya telah memperkenalkan kaedah “SIFRUL ARQAM” untuk mengatasi masalah ini. Kaedah “SIFRUL ARQAM” ialah gabungan dua kalimah “SIFRU” dan “AL-ARQAM” yang membawa maksud pembelajaran nombor dan angka dalam Bahasa Arab berteraskan sistem sifir dalam pembelajaran Matematik. Saya telah menjalankan langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dirancang, dan hasil dapatannya telah menunjukkan pencapaian yang positif dan peningkatan yang membanggakan. Murid-Murid juga mula menunjukkan minat untuk belajar, merasa seronok belajar dan banyak bertanya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

PANDUAN CELIK BAHASA ARAB (PCBA)

**M Mohd Ali Yusni Mansor
SK Hj. Abu Bakar, Kedah**

Panduan Celik Bahasa Arab (PCBA) bagaikan lampu yang menyala, menyuluh kegelapan malam (hati) merupakan sebuah buku tatabahasa Arab yang menggunakan kaedah ilmu Sarf secara ringkas dan mudah. Disusun bersesuaian dengan sukatan pelajaran dan tahap kebolehan setiap pelajar serta sesuai juga untuk semua peringkat usia kerana isi-isi di dalamnya penuh dengan teknik-teknik dan pergerakan-pergerakan yang pasti menarik dan menghiburkan.

Buku ini mengandungi 14 bab dan terbahagi kepada 3 perkara asas:-

1) Bab 1 Hingga Bab 8

Pelajar didedahkan dengan pembahagian perkataanv(AI Kalimah) dan juga pembahagian perbuatan-perbuatan (AI Af`al) secara berlagu dan pergerakan. Secara tidak langsung ianya merupakan teknik memahami perubahan kalimah-kalimah Arab yang membawa kepada perubahan makna, dengan menggunakan seluruh pancaindera.

2) Bab 9 Hingga Bab 13

Pelajar didedahkan dengan teknik memahami makna. Bagi menguasainya, pengarang telah menggariskan Teknik 5K. Semuanya perlu dilalui dengan penuh kesabaran dan minat yang mendalam. Iaitu: -

- 1- kemahiran membaca
- 2- kemahiran menghafal
- 3- kemahiran memahami
- 4- kemahiran menulis
- 5- kemahiran bertutur

3) Bab 14:

Pelajar diajar mencari makna menggunakan kamus. Kamus merupakan sumber maklumat Bahasa Arab. Walaubagaimanapun pengarang sedar, ianya memerlukan kepada bimbingan dan tunjuk ajar daripada seorang guru dalam menentukan teknik yang terbaik dan mudah dalam pencarian perkataan-perkataan yang terdapat di dalam kamus.

SHOUTUL ARABI

**Ahmad Rizal Othman,
SK Rusila, Terengganu**

Dalam kaji selidik yang telah dibuat, selama enam bulan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berjalan, 80% murid masih tidak boleh menguasai perkara asas Bahasa Arab seperti Tasrif dan Nahu serta tajuk-tajuk awal dalam buku teks . Maka dengan itu tercetusnya idea untuk mencipta satu kaedah untuk mengaplikasikan penggunaan irama suara dalam proses memudahkan murid mengingati kalimah Arab dengan cepat, berkesan dan menyeronakkan.

Ia memberi Penekanan kepada beberapa bahagian penting iaitu Nahu, Sorf, tajuk- tajuk asas bahasa Arab dan kata-kata hikmah dalam bahasa Arab. Strategi yang digunakan adalah membaca secara berulang-kali setiap kalimah atau perkataan menerusi lagu nasyid, zikir dan selawat iaitu Ya Quddus, Solatullah, Ummi dan Allah bersama saya. Hasil kajian yang telah dilakukan terhadap murid-murid yang menggunakan kaedah ini, 80 % murid dapat menguasai perkara asas Bahasa Arab dengan baik dalam masa satu bulan.

**RAJI' MAI' (RM)
UNTUK SEKOLAH PERSISIRAN PANTAI KUALA KEDAH**

**Norsalwati Mohd Tahir
SK Hj. Ismail, Kedah**

Inovasi ini terhasil melalui kajian tindakan yang dijalankan untuk meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran bahasa Arab. Strategi program ini ialah latih tubi kosa kata bahasa Arab (5 – 10 minit pertama) pada setiap P&P daripada bab yang lalu sehingga bab yang sedang dipelajari. Sangat sesuai untuk murid tahap satu sekolah kebangsaan kerana matlamat pengajaran bahasa Arab untuk tahap ini ialah murid boleh berkomunikasi dengan ayat yang pendek di dalam bahasa Arab.

Selepas menjalankan program ini, penguasaan kosa kata bahasa Arab murid SK Haji Ismail sangat menakjubkan. Diharapkan dengan adanya program RM ini, menimbulkan minat murid untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mendalam lagi.

KAD PINTAR NAHU ARAB: I'RAB KATA NAMA

Ideris B. Abd. Rahim
SMKA Inanam, Kota Kinabalu, Sabah

Kad Pintar Nahu Arab: I'rab Kata Nama ini ialah kad pelbagai fungsi untuk pengajaran dan pembelajaran serta ulangkaji subjek Bahasa Arab pada bahagian Nahu (Tatabahasa) khususnya tentang I'rab Kata Nama. Ianya boleh dijadikan Bahan Bantu Mengajar, Nota Rujukan dan Kad Permainan Ulangkaji.

Bahan inovasi ini dihasilkan dengan tujuan untuk memudahkan guru-guru melaksanakan proses P&P Bahasa Arab dan memudahkan pelajar untuk memahami konsep Nahu Arab serta memupuk minat pelajar terhadap Bahasa Arab. Ketiga-tiga aspek penting di atas direalisasikan melalui penggarapan konsep Pembelajaran Kendiri, Kecerdasan Pelbagai dan Pembelajaran Koperatif dengan kaedah "Bermain Sambil Pelajar". Kad ini terdiri daripada 60 keping kad bermaklumat dengan pelbagai fungsi dibahagikan kepada 4 kumpulan asas diwakili dengan warna tersendiri berdasarkan 4 aspek iaitu Istilah Nahu, Marfu'a't, Mansubat dan Majrurat dengan jumlah 14 kad setiap satu serta 4 kad lagi dikategorikan sebagai Tawabi'.

DALIL AVU ZAR zad

Dalilah Desa SK Bukit Kalam, WP Labuan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui keberkesanan penggunaan dua teknik iaitu Teknik Dalil dan Teknik AVU ZAR zad. Teknik Dalil digunakan untuk mengatasi masalah menukarkan tulisan rumi kepada Jawi. Manakala Teknik AVU ZAR zad pula digunakan untuk meningkatkan kemahiran menyambung Huruf Tunggal Jawi.

Sebagai permulaan kajian, satu ujian pengesanan pencapaian pengetahuan sedia ada murid diberikan kepada empat kategori pelajar. Hasilnya, murid yang paling lemah dalam penulisan jawi dan menyambung huruf-huruf tunggal jawi dapat dikenal pasti dengan keputusan sepuluh orang murid dari murid tahun 2 (tahap I), 10 orang murid tahun 6 (tahap II) SK. Bukit Kalam. Sepuluh orang pelajar tahun 4 SK. Pantai dan 35 orang pelajar sekolah menengah. Bagi kategori sekolah rendah kajian ini dijalankan ketika mata pelajaran Jawi selama setengah jam. Setiap minggu. Manakala bagi sekolah menengah pula satu program khas untuk pelajar-pelajar PMR anjuran Jabatan Pelajaran WP Labuan telah diadakan bagi memantapkan kemahiran Jawi mereka. Jadi satu Ujian pengesanan telah dijalankan di situ bagi mengenal pasti pelajar-pelajar bermasalah.

Selepas Teknik Dalil Avu Zar zad di perkenalkan kepada sampel-sampel ini didapati peratus lulus pelajar sekolah rendah dan menengah telah meningkat dengan ketara.

PELAJARAN JAWI LANCAR (PEJAL)

Rahimah Banun Mohd Said
SK Lumut, Perak

Tulisan jawi digunakan dengan meluasnya dalam setiap urusan pada suatu ketika dahulu. Namun ia semakin dipinggirkan oleh generasi kini. Menyedari bahawa tulisan jawi adalah satu warisan bangsa Melayu, justeru itu Program “PEJAL” dijangka dapat memartabatkan semula tulisan jawi oleh generasi masa kini dan masa akan datang.

Pelajaran Jawi Pemulihan berbantuan komputer selaras dengan hasrat negara ke arah celik IT. Murid akan lebih berminat untuk belajar apabila menggunakan bahan multimedia seperti komputer kerana terdapat grafik, suara serta muzik. Ini dapat memusatkan perhatian seseorang murid itu.

Bahan ini disediakan dengan menggunakan perisian PowerPoint bertujuan untuk memberi galakan kepada guru-guru menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Ini kerana perisian PowerPoint adalah satu perisian yang mudah untuk dipelajari, jika dibandingkan dengan perisian yang lain seperti Authorware, Flash, Swish, Firework dan perisian macromedia yang lain.

JEJAK LABAH-LABAH

Racidah Mohd Dahlan
SK Seri Selamat Setiawan, Perak

Inovasi ini merupakan hasil cetusan idea yang ingin melihat kegigihan murid keciciran turut menguasai mata pelajaran Jawi, berdasarkan kegigihan labah-labah makhluk yang tidak ada kekuatan namun mempunyai keistimewaan yang tersendiri sehingga mampu menyelamatkan Baginda Rasulullah dalam penghijrahannya ke Madinah dari kekejaman orang kafir Quraish.

Oleh yang demikian saya mengharapkan murid keciciran juga turut mencontohi kegigihan labah-labah, lantaran itu saya namakan permainan ini “Jejak Labah- Labah” ia juga amat dikenali dalam dunia kanak-kanak sebagai “spider“ malah menjadi kebanggaan mereka, sekiranya mereka memiliki baju, beg, kotak pensil dan kasut atau apa saja yang mempunyai gambar labah-labah.

GERAK BIJAK CONGKAK

Hasnah Binti Yahaya
SK Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka

Permainan congkak adalah satu permainan tradisional yang cukup popular pada zaman dahulu kala. Pada zaman era globalisasi ini, permainan congkak kian dilupakan dan terus dilupakan. Seinggakan generasi sekarang sudah tidak mengenali macamana bentuk congkak dan cara bermain congkak.

Oleh yang demikian, saya mengambil inisiatif untuk memperkenalkan permainan congkak ini kepada generasi sekarang melalui pembelajaran di dalam kelas sekaligus menjadikan permainan ini sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang menarik dan menyeronokkan.

Untuk itu, saya ingin memperkenalkan bahan bantu mengajar untuk kelas pemulihan jawi dengan nama GERAK BIJAK CONGKAK. Dengan itu, saya akan dapat membantu murid-murid pemulihan ini memperkayakan perkataan jawi melalui kaedah “Bermain Sambil Belajar” di samping membantu murid-murid ini mengeja dan menyebut bunyi suku kata dengan betul dan tepat.

SISTEM ‘AE’ – MARI BELAJAR JAWI

Asmawi Hj Hashim
SK Sauk, Kuala Kangsar, Perak

Sistem ‘ é ’ ini tercipta dari pengalaman saya dalam mengajar mata pelajaran jawi. Saya dapati masalah yang sering berlaku dalam mengajar jawi ialah guru tidak menekankan tentang huruf tidak sambung. Di samping itu juga pelajar-pelajar bermasalah dalam mengenal dan mengingat huruf-huruf jawi. Masalah ini berulang setiap tahun kepada pelajar yang berlainan. . Dari situlah saya cuba membentuk satu kaedah sendiri dan telah saya kumpulkan dalam 3 peringkat ejaan dan 2 peringkat penulisan bagi menyelesaikan masalah yang sama berlaku. Apatah lagi untuk mengajar pelajar yang lemah dengan system ejaan jawi yang sebenar, yang mempunyai 32 sistem ejaan jawi.

Sistem ‘ é ’ merupakan satu kaedah yang dibentuk untuk membantu guru mengajar pelajar jawi dan murid dapat belajar jawi dengan mudah dan cepat apabila dapat menguasai prinsip-prinsip Sistem ‘ é ’ ini. Sistem ini dibina dengan beberapa formula tertentu yang hanya menggunakan prinsip ‘ tambah (+) ’ , ‘ tolak (-) ’ dan ‘ kekal ’. Ia merangkumi kemahiran mengeja , membaca dan menulis jawi berdasarkan tulisan dan ejaan rumi. Istimewanya Sistem ‘ é ’ hanya dibangunkan dengan aplikasi ‘Power Point’ yang mudah untuk dikendalikan.

Di dalam Sistem ‘ é ’ pelajar-pelajar tidak dipaksa untuk menghafal huruf-huruf jawi seperti halnya biasa yang menekankan tentang penghafalan huruf-huruf jawi terlebih dahulu.. Pelajar-pelajar dibenarkan melihat huruf-huruf jawi pada kad huruf ketika menulis atau belajar jawi Sistem ae ini.. Pengajaran dan pembelajaran melalui jawi sistem ae ini hanya berdasarkan kepada 7 huruf utama iaitu huruf-huruf tidak sambung sedangkan huruf-huruf jawi yang lain hanya diperkenalkan secara tidak langsung sahaja.

c-JAWI

Maznah bt Hj. Mustajab
SMK TTDI Jaya, Shah Alam, Selangor

Projek ini dijalankan untuk membantu sebahagian kecil dari kalangan pelajar sekolah ini yang buta jawi. Ianya telah dilaksanakan bermula pada April tahun 2004 dan masih berterusan sehingga kini. Perancangan tindakan difokuskan kepada tiga kemahiran iaitu kemahiran mengenal huruf hijaijah jawi, kemahiran mengeja suku kata dan kemahiran membaca ayat pendek dan mudah. Lapan sesi pengajaran dan pembelajaran (1 jam 30 minit setiap sesi) telah dilaksanakan dalam tempoh dua bulan di mana pelajar belajar kemahiran yang tersebut di atas melalui modul c-JAWI yang diperkenalkan.

Modul ini telah berjaya membantu pelajar mengatasi masalah buta jawi dan menguasai ketiga – tiga kemahiran tersebut. Selain penggunaan khusus modul c- JAWI pelbagai aktiviti pelajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan, berdasarkan analisis data yang meliputi aktiviti latih tubi dalam bentuk lisan dan aktiviti kumpulan melibatkan pelajar menghasilkan bahan pembelajaran dalam bentuk kad imbasan (perkataan dan gambar) dan menggunakan bahan yang mereka hasilkan sendiri dalam berbagai aktiviti permainan bahan seperti teka silang kata, menyusun perkataan, memadan suku kata, pertandingan dan kuiz minda. Penilaian menyeluruh terhadap kemajuan pelajar ini di buat pada akhir bulan dan didapati pelajar telah berjaya menguasai kemahiran mengenal ,mengeja dan membaca jawi dengan baik.

DOKTOR JAWI – KAEDAH CEPAT MEMPELAJARI JAWI

Abdul Manan Ali
SMK Tengku Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

Doktor Jawi adalah satu kaedah pembelajaran jawi yang cepat dan berkesan dihasilkan pada tahun 1999 dalam bentuk buku. Ia dimurnikan pada tahun 2004 sehingga terhasilnya CD Doktor Jawi menggunakan perisian *Authorware*. CD ini ternyata telah berjaya mempertingkatkan kefahaman pelajar tentang kaedah Doktor Jawi.

CD Doktor Jawi ini dihasilkan pula ke dalam bentuk VCD yang dibuat dengan menggunakan perisian Swish 2.0. Dengan terhasilnya VCD Doktor Jawi maka golongan yang tidak mempunyai komputer boleh mempelajari Doktor Jawi dengan menggunakan televisyen dan pemain VCD.

Doktor Jawi juga boleh dicapai secara *online* di alamat **www.doktorjawi.com** dengan mendaftar *username* dan *password* terlebih dahulu. *Download page* bagi laman ini dihasilkan dengan perisian *NVU* dan *Camtasia Studio*.

TEKNIK JAWI TERKINI DAN LATIH TUBI

Mansor bin Mohamad
SK Kampong Kandis, Pasir Puteh, Kelantan

Inovasi ini dihasilkan berasaskan kajian dan pengalaman berkaitan dengan teknik atau kaedah Jawi terkini yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasil daripada kajian dan tindakan yang saya lakukan, saya melihat ada beberapa perkara yang perlu diambil tindakan segera terutamanya untuk memahami kaedah ejaan jawi terkini Dewan Bahasa dan Pustaka dengan mudah. Sebagai contohnya, saya memperkenalkan teknik untuk memahami ejaan yang mempunyai huruf alif atau tidak di akhir perkataan dengan sebab-sebab dan alasan-alasan yang tertentu. Begitu juga dengan teknik-teknik lain yang saya perkenalkan dalam buku saya iaitu “Teknik Jawi Terkini dan Latih Tubi”.

Penghasilan kajian ini telah memberi banyak faedah terutamanya dalam membantu pelajar dan guru untuk memahami ejaan yang betul mengikut ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan mudah. Lebih-lebih lagi ianya disusuli dengan latihan yang sesuai dengan tajuk-tajuk agar ianya lebih difahami. Hasil daripada inovasi ini, saya juga dapat menghasilkan beberapa buah buku yang dapat digunakan oleh murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar yang begitu lemah dalam penulisan jawi iaitu Buku Latih Tubi Jawi Dan Buku Asas Bacaan Jawi. Buku yang dihasilkan ini telah digunakan oleh beberapa buah sekolah menengah, rendah dan juga guru-guru Pendidikan Islam, j-QAF dan guru KAFA.

**BAHAN BANTU MENGAJAR TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 4 DAN 5
BERTERASKAN ICT**

**Safae Zakaria
SMK Jelawat, Bachok, Kelantan**

Persoalan yang sering bermain di fikiran penulis ialah bagaimana untuk menarik minat pelajar yang berprestasi rendah untuk belajar dan mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Pada realitinya subjek Tasawwur Islam ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang berada di kelas yang agak terkebelakang, bermotivasi rendah serta kurang berminat untuk belajar. Mereka mudah hilang fokus dan tumpuan semasa belajar. Dapatan daripada temubual yang dilakukan, menunjukkan bahawa mereka inginkan kelainan dalam belajar subjek agama.

Mereka inginkan sesuatu yang berbeza daripada kaedah tradisional seperti syarahan dan penerangan dari guru semata-mata. Selain daripada itu mereka juga ingin meneroka dan mencari bahan pembelajaran sendiri. Mereka ingin belajar agama melalui komputer di dalam makmal komputer sebagaimana mata pelajaran sains.

Menyedari keadaan ini penulis telah membina BBM Tasawwur Islam yang interaktif berasaskan ICT bagi merangsang minat mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan seronok. Telah banyak dibincangkan tentang keistimewaan pengajaran dan pembelajaran berbantuan ICT ini tetapi sangat kurang bahan-bahan yang boleh digunakan dalam situasi bilik darjah di negara kita.

Oleh itu penulis ingin berkongsi bahan inovasi yang telah dihasilkan oleh penulis berdasarkan daripada kajian tindakan yang telah dilaksanakan di sekolah tempat penulis bertugas.

MEDIA TOKOH MAZHAB

Hasnah Yusuf
SMAP Kajang, Selangor

Inovasi yang dihasilkan ini adalah satu Bahan Bantu Mengajar dalam bentuk perisian pengajaran dan pembelajaran bantuan komputer (PPBK) bertajuk "Media Tokoh Mazhab". Bahan bantu mengajar yang dihasilkan ini adalah dalam bentuk CD. Antara papan skrin yang terdapat dalam CD ini ialah pelajaran untuk tajuk Tokoh Imam Mazhab iaitu Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Hambali dan Imam Syafie.

Matlamat pembangunan CD ini adalah untuk menarik minat pelajar dalam proses P&P mata pelajaran Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah dalam bahagian tokoh. BBM ini dibangunkan menggunakan perisian ToolBook Instructor II. Manakala pendekatan pedagogi yang digunakan ialah kaedah tutorial.

Penilaian CD ini telah dijalankan ke atas dua orang golongan sasaran utama iaitu pelajar dan guru di SMAP Kajang. Dapatan kajian melalui penilaian sumatif menunjukkan CD ini telah mengaplikasikan teori tingkah laku, kognitif, konstruktivisme dan mengaplikasikan strategi pembelajaran anjal akses sendiri.

Pembelajaran boleh dilakukan secara berpusatkan pelajar dan guru bertindak sebagai fasilitator. CD ini boleh digunakan oleh guru sebagai bahan bantu mengajar dan pelajar boleh menggunakan CD ini mengikut tahap penguasaan masing-masing.

Kombinasi pelbagai media dalam perisian ini iaitu teks, grafik, animasi dan audio menjadikan pengajaran lebih menarik, aktif dan menyeronokkan. Sehubungan dengan itu prestasi pencapaian pelajar dalam Sijil Peperiksaan Malaysia semakin meningkat. Justeru objektif penghasilan CD Media Tokoh Mazhab ini untuk menarik minat pelajar terhadap pelajaran Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah dalam bahagian tokoh akan tercapai.

PORTAL e-PENDIDIKAN ISLAM

Khairul Anwar Ramlan
SM Teknik Dagangan, Johor Bahru

Penggunaan teknologi internet pada masa kini telah menjadi satu kaedah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan . Perkembangan teknologi komputer dan media komunikasi elektronik telah menghapuskan batasan ruang, jarak dan masa. e-Learning merupakan konsep pendidikan yang memanfaatkan teknologi maklumat di mana pembelajaran dilakukan melalui media elektronik iaitu internet baik secara formal atau tidak formal.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, keperluan kepada suatu konsep dan mekanisme untuk tujuan pembelajaran berasaskan web tidak dapat dielakkan lagi. Konsep yang kemudian terkenal dengan sebutan e-Learning ini membawa kepada berlakunya proses transformasi pendidikan konvensional ke dalam bentuk digital, sama ada secara isi kandungannya dan ia telah digunakan secara meluas khususnya dalam bidang pendidikan.

Justeru, satu inisiatif dilakukan untuk membangunkan satu portal khas Portal e-Pendidikan Islam yang mengandungi pelbagai bahan pembelajaran berkaitan subjek Pendidikan Islam. Isi kandungan yang terdapat di dalam portal ini menepati sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM tingkatan 4 dan 5 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kandungannya dipelbagaikan dengan menerapkan unsur multimedia seperti teks, grafik, audio dan video.

Pelajar dapat melayari portal ini pada bila-bila masa dan dimana jua melalui penggunaan komputer dan internet untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan latihan. Kewujudan portal ini bukan bertujuan untuk mengambil alih peranan guru di dalam kelas tetapi sebenarnya membantu guru memperluaskan sumber pengajaran dan pembelajaran yang telah dimulakan oleh guru di dalam bilik darjah.

Pelajar dapat membuat ulangkaji dan belajar secara sendiri untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap sesuatu topik dengan kaedah yang menarik dan terkini. Secara keseluruhannya penggunaan Portal e-Pendidikan Islam akan meningkatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran khususnya bagi subjek Pendidikan Islam.

SMART CARD TASAWWUR ISLAM

Upiq Asmar Zainal Abidin
SMK Taman Tun Dr. Ismail

Idea ini bermula selepas mendengar penjelasan Tuan Haji Mohd Abdul Aziz bin Mahmud, selaku Penolong Pengarah Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia ketika itu tentang Projek Gemilang yang akan diaplikasikan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. Tambahan pula saya memang sedang mencari idea untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran Tasawwur Islam serta langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian murid di sekolah.

Smart Card/ Kad Pintar Tasawwur Islam ialah satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibina berasaskan daripada permainan kad. Ia adalah bahan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat "hand's on". Smart Card ini digunakan di dalam kelas melalui kaedah berkumpulan. Setiap kumpulan akan bekerjasama untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan oleh guru dan proses ini berjalan dalam suasana yang menyeronokkan tetapi terancang dan berkesan. Para guru juga berpeluang untuk mengesan kelemahan murid dan membantu mengatasinya pada ketika itu juga.

Matlamat utama pembinaan bahan ini ialah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang boleh menarik minat murid untuk mengikuti pelajaran Tasawwur Islam bagi tajuk yang agak kompleks seperti tajuk Ciri Pandangan Hidup Islam. Di samping itu juga Smart Card Tasawwur Islam ini mampu mewujudkan satu suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Murid tidak akan menyedari bahawa semasa mereka bermain kad ini mereka telah menguasai objektif pembelajaran secara beraras, berfokus dan berkesan. Tempoh pembelajaran bagi sesuatu tajuk juga akan dapat dipendekkan. Ini memberi peluang kepada murid untuk melaksanakan latihan pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.

Kelebihan lain yang diperolehi daripada inovasi ini ialah kemudahan kepada guru dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran kerana ia adalah satu bahan yang boleh digunakan berulang kali dan dengan pelbagai cara mengikut kreativiti para guru. Kos yang diperlukan juga amat minimum berbanding dengan tempoh penggunaan dan kesannya dalam meningkatkan mutu serta pencapaian pengajaran dan pembelajaran. Ia juga boleh diaplikasikan dalam mata – mata pelajaran yang lain seperti Sains, Biologi dan Pendidikan Islam.

Inovasi ini telah digunakan sebagai salah satu modul dalam Kursus Pentaksiran dan Penilaian Tasawwur Islam tahun 2007 dan telah dibentangkan kepada semua guru Tasawwur Islam seluruh Malaysia. Hasil soal selidik daripada peserta kursus juga menunjukkan bahawa inovasi ini adalah mudah, praktikal dan mampu mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran Tasawwur Islam.

**e-PAFA
(Satu Teknik Mudah Dan Pantas Menguasai
Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain)**

**Mohd Nazri Hj Kamarudin
SK Mutiara, Kota Kinabalu, Sabah**

Perisian ini merupakan satu usaha untuk mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Sebelum ini, PAFA telah dilaksanakan dengan menggunakan Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain yang telah diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

Melalui e-PAFA ini, buku tersebut telah di adaptasikan kepada versi digital dan telah dibuat penambahbaikan dari segi gambar, audio dan video. Aktiviti pengayaan dan pengukuhan telah dimuatkan di dalam perisian ini bagi menguji pemahaman dan penguasaan murid.

KHATBOARD (Alat Mengajar Tulisan Khat)

Abdul Wahab Bin Khalid
SK Datok Keramat (1), Kuala Lumpur

Nama Inovasi yang diperkenalkan adalah “*KHATBOARD*” merupakan gabungan antara dua perkataan: Khat dan White board. Khatboard adalah alat membantu dalam pengajaran tulisan seni Khat terutamanya bagi kegunaan Guru Pendidikan Islam yang mengajar subjek Jawi di Tahun 6 sekolah rendah.

Semua murid Islam Tahun 6 akan belajar dua jenis tulisan Khat iaitu Khat Nasakh dan Khat Riq’ah. Alat ini dicipta bagi memudahkan proses pengajaran tulisan Khat terutamanya bagi sekolah yang tidak mempunyai papan hitam. Khatboard ini juga digunakan sepenuhnya sepanjang Kursus Penulisan Khat anjuran Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM/ BPI), Kementerian Pelajaran Malaysia mulai tahun 2005 hingga 2008.

Alat ini menyerupai fungsi OHP atau *Visualizer* yang akan memaparkan imej berwarna di skrin LCD Projektor ataupun TV biasa. Ia juga boleh digunakan bagi memaparkan buku teks, lukisan, objek 3D, ayat-ayat suci al-Quran dan sebagainya. Penggunaannya sangat meluas dalam kalangan penggiat seni khat di seluruh negara dan digunakan juga di Unit Ko-Kurikulum dan Fakulti Rekaan & Kejuruteraan UIAM.

INOVASI IQRA'

Latifah Saad
SK Tasik Damai, Ipoh, Perak

Bidang Tilawah al-Quran adalah merupakan teras dalam sukatan Pelajaran Pendidikan Islam sekolah dan menengah. Bidang ini diperkenalkan dengan tujuan apabila murid-murid tamat persekolah peringkat rendah, maka dikehendaki menguasai kemahiran asas Tilawah al-Quran. Kaedah Iqra' diperkenalkan di Malaysia sejak 1992. Sepanjang tempoh itu, tahap penguasaan murid dalam menguasai bacaan al-Quran dan Iqra' masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Oleh yang demikian beberapa langkah pembaruan telah dibuat untuk memudahkan penggunaan dan kefahaman untuk menguasai bacaan Iqra' seterusnya untuk meningkatkan dan memantapkan mutu pengajaran dan pembelajaran Asuhan Tilawah al-Quran.

SISTEM DATA BERSEPADU j-QAF

Rasyiddin Mohd
SK Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang

Sistem Data Bersepadu j-QAF mengandungi maklumat ujian dan data berkaitan program j-QAF iaitu Bahasa Arab, Pendidikan Islam dan Khatam Al-Quran/ Tasmi'. Ia adalah sistem yang dibina agar boleh memproses terus data murid yang diperolehi melalui peperiksaan dan ujian ataupun data pencapaian mereka secara automatik. Ia juga menganalisis, memfail, membentuk graf dengan peratus, menyusun kedudukan murid mengikut pencapaian tertinggi dan menyediakan laporan terkini dengan hanya memasukkan markah yang diperolehi oleh setiap murid.

Sistem ini memberi kemudahan kepada guru untuk membuat analisis secara tepat dan cepat, tanpa perlu mengambil masa yang lama seterusnya dapat mengetahui kedudukan murid-murid di dalam subjek yang dipelajari. Secara tidak langsung, guru boleh merancang dan menyusun strategi baru dalam pengajaran dan pembelajaran samada aktiviti pengayaan ataupun pemulihan bagi menghadapi ujian dan peperiksaan seterusnya.

KOMPUZED MUGO
SEBUAH SISTEM PENGURUSAN SOALAN PEPERIKSAAN DALAMAN SEKOLAH

Zaimuddin Hassan
SMK Pengiran Omar, Sandakan, Sabah

Dalam usaha memantapkan kualiti sistem pendidikan negara kita, pelbagai aspek perlu mendapat penelitian dan pengaplikasian yang baharu agar dapat menambahkan produktiviti dan menghasilkan produk yang berkualiti. Salah satu perkara yang biasanya dianggap kecil tetapi dapat diaplikasi secara baharu untuk mencapai produk yang berkualiti ini ialah perkara mengenai penyediaan kertas soalan peperiksaan dan penilaian di sekolah-sekolah.

Inovasi ini menampilkan satu cara penyediaan kertas soalan secara kolaborasi serta pengurusan bank soalan bagi mata pelajaran dengan berbantuan satu perisian komputer hasil buatan dalaman sekolah di SMK Pengiran Omar, Sabah. Penggunaan perisian yang mesra pengguna dan mudah digunakan ini dapat menjamin kualiti kerja pihak guru di sekolah dalam menghasilkan kertas-kertas soalan peperiksaan yang bermutu tinggi – tiada kesilapannya atau minimum kesilapannya.

Sejurus daripada mendapat hasil kertas soalan yang bermutu, beberapa urusan yang berkaitan pengurusan peperiksaan dalaman sekolah dapat dikurangkan, serta impak negatif semasa dan selepas peperiksaan berjalan juga akan berkurangan atau tiada. Antara impak negatif yang paling tidak disukai oleh banyak pihak ialah nilai kredibiliti yang rendah terhadap kertas soalan peperiksaan dan guru yang menyediakannya. Selain itu, masalah-masalah dalam konteks penyediaan bahan P&P juga dapat dikurangkan dengan penggunaan inovasi ini untuk meningkatkan pencapaian murid dengan aktiviti latihan tubi soalan-soalan yang telah disediakan oleh semua guru dengan sistem ini.

Dalam kata yang ringkas, inovasi ini menunjukkan satu kaedah berbantu perisian yang dapat diguna-pakai dan telah terbukti dapat mengelakkan masalah-masalah yang sering berlaku dalam pengurusan soalan peperiksaan dalaman di sekolah. Oleh itu, penggunaan inovasi ini seharusnya digalakkan di semua sekolah sebagai satu usaha kecil, demi membantu usaha dalam teras-teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan negara kita.

MODUL GRAFIK MINDA (MGM)

**Atmarwati Haji Ibrahim
SMK Jitra, Kedah**

Modul Grafik Minda Terancang (MGMT) ini merupakan satu strategi pengajaran dan pembelajaran terancang yang membolehkan pelajar mengikut panduan dan arahan pengajar atau melaksanakan pembelajaran sendiri secara kreatif, sistematik dan efektif menggunakan panduan grafik-grafik bercetak yang telah siap dirancang secara teliti untuk sukatan Pendidikan Islam setahun. Penggunaan MGMT semasa proses P&P berjaya menarik minat, fokus dan motivasi pelajar kerana membantu pelajar mencerakin tajuk-tajuk utama kepada tajuk-tajuk kecil seterusnya kepada fakta-fakta penting dan khusus dengan lebih jelas. Ia seumpama 'Peta Minda' dalam bentuk grafik yang membentuk aliran pemikiran pelajar dalam mendalami sesuatu tajuk.

Modul ini bersifat "Mesra guru dan pelajar", lebih efisien malahan meringankan tugas pelajar dan juga guru. Pelajar menyusun satu set MGMT ini ke dalam fail masing-masing dan menyempurnakan kerja-kerja catatan, nota dan latihan pada grafik-grafik yang telah disediakan mengikut tajuk yang diajar dengan berpandukan maklumat-maklumat yang diperolehi semasa proses P&P di dalam kelas dan juga kajian pelajar di luar kelas seterusnya menghantarkannya kepada guru untuk disemak dari masa ke semasa. Pelajar tidak lagi menggunakan buku catatan/buku nota pelajar, buku tulis dan buku kerja. Ini menjadikan bilik guru dan bilik darjah lebih kondusif dan memberangsangkan serta dapat meningkatkan prestasi kecemerlangan pelajar dan meningkatkan profesionalisme keguruan ke arah lebih gemilang.

PENGURUSAN JENAZAH

Norizan bt Mohamad
SMK Putrajaya Presint 8 (1), Presint 8, Putrajaya

Pendidikan Islam ialah mata pelajaran teras dalam kurikulum Sekolah Menengah di Malaysia. Mata pelajaran ini dianggap terlalu mudah oleh pelajar sehingga ianya diketepikan dan adakalanya menghalang mereka untuk mendapat keputusan A.

Murid kurang berminat dalam mata pelajaran ini kerana menganggap mata pelajaran ini kurang menarik dan membosankan. Menyedari hakikat ini saya telah mengambil pendekatan untuk mengenalpasti masalah sebenar pelajar. Hasilnya didapati bahawa murid sebenarnya mengalami kesukaran dalam memahami setengah-setengah tajuk yang terlibat dengan tajuk-tajuk amali seperti pengurusan jenazah dan sembelihan.

Dapatan kajian mendapati modul ini dapat membantu murid dan juga guru untuk memahaminya dengan lebih berkesan dan dapat dipraktikkan apabila perlu. Modul ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam memahami tajuk berbentuk amali. Pendekatan yang digunakan dalam modul ini adalah berasaskan ICT dan menjadikan pelajar lebih selari dengan arena ledakan maklumat semasa.

Sasaran modul ini adalah kepada pelajar tingkatan 3. Seramai 30 orang pelajar kelas pertama dan 20 orang guru telah dijadikan respondent untuk menguji keberkesanan modul ini. Pengumpulan data adalah melalui temubual kepada pelajar dan juga guru dan dilaksanakan selama 2 tahun mulai 2005- 2006. Hasil modul ini mendapati pelajar dan guru yang sebelumnya tidak jelas dalam melaksanakan pengurusan jenazah telah berubah dan berkeyakinan dalam melaksanakannya. Penggunaan modul ini yang berasaskan ICT sangat menarik minat dan membantu dalam menjelaskan sesuatu situasi sebenar mengenai pengurusan jenazah.

SINOPSIS KIT BELAJAR AL-QURAN KENDIRI (KIBAQQ'09)

Mohd Sabri Ismail
SK Lubuk Sireh, Perlis

Inovasi ini memberi keutamaan dan sasaran kepada murid-murid Tahun 6 sekolah rendah Pengajaran dan pembelajaran semestinya memaparkan konsep pembelajaran sendiri yang menggalakkan pembinaan minda melalui aktiviti berpusatkan pelajar. Pembelajaran sendiri amat mudah sememangnya menjadi asas kepada kaedah ini kerana ia adalah memberi keberkesanan yang tinggi kepada murid agar boleh membaca surah-surah dan juga menguasai tajuk-tajuk lain yang diperuntukkan dalam silabus AL Quran Tahun 6.

Pembelajaran sendiri itulah yang diguna bagi menggalakkan minat murid melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Kerana kaedah ini secara praktiknya adalah juga amat sesuai diguna pakai oleh semua peringkat umur sama ada di peringkat sekolah rendah (Khususnya Tahun 6), menengah mahupun dewasa. Praktis keberkesananannya telah diuji di peringkat sekolah rendah iaitu murid-murid tahun 6. Secara umumnya, kaedah Kit Belajar Al-Quran Kendiri (KiBAQQ'09) adalah berkonsepkan latih tubi pembacaan. Terbukti bahawa belajar melalui Kit Belajar Al-Quran Kendiri (KiBAQQ'09) memberi impak yang besar dalam penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam terutama AL Quran Tahun 6. Kajian saintifik juga telah mengesahkan bahawa otak manusia membaca dengan memecahkan perkataan kepada bunyi. Kaedah ini tidak menggunakan kos yang tinggi dan hanya menggunakan bahan-bahan sedia ada, CD yang boleh didapati dengan harga RM 0.50 – RM 1.00 .

Teknologi multimedia iaitu Microsoft Power Point digunakan bagi menyampaikan maklumat dan pengetahuan daripada pelbagai sumber termasuk audio, teks, dan grafik . Kit Belajar Al-Quran Kendiri (KiBAQQ'09) juga dapat memberi kemudahan kepada guru untuk mengajar dengan bantuan komputer dan juga *projector*. Tulisan dan paparan yang besar akan memberi penglihatan yang jelas kepada murid yang berada di belakang kelas. Bukan itu sahaja, CD yang mengandungi Kit Belajar Al-Quran Kendiri (KiBAQQ'09) boleh diterokai melalui komputer di rumah dengan belajar secara sendiri. Prinsip asas teknologi multimedia dalam pendidikan ialah penggunaan media yang paling sesuai untuk membantu pelajar mencapai matlamat pembelajaran.

i-MIS

Mohd Hafidzuddin Mohd Maarof
SK Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah

Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan Islam – PAFA atau dikenali sebagai I-MiS PAFA v2.0 mula diilham dan dibangunkan pada 28 Februari 2009. Pada peringkat awal I-MiS PAFA v2.0 hanya digunakan di peringkat sekolah saya sahaja dengan tujuan utama tertumpu kepada merekod secara sistematik dan penghasilan rumusan pencapaian data PAFA dan Keputusan PKSR bagi setiap darjah/ tahun secara tepat dan terperinci untuk tujuan tindakan susulan.

I-MiS PAFA v2.0 dibina sepenuhnya menggunakan MS Access 2003. Sistem ini berkemampuan dijalankan pada sistem operasi Windows XP / Vista, MS Access 2003/ 2007 dan boleh dipasang pada mana-mana komputer berspesifikasi IBM serasi. Skop utama perisian I-MiS PAFA v2.0 tertumpu kepada Bidang Perkhidmatan Pengurusan yang mana menekankan tiga elemen utama iaitu penyediaan dan pengumpulan data, penyediaan rumusan pencapaian pelaksanaan program pembangunan modal insan dan sistem penghantaran/ kutipan data secara atas talian *online*.

Melalui pelaksanaan I-MiS PAFA v2.0, secara tidak langsung sedikit sebanyak dapat memberikan pelbagai faedah antaranya menjimatkan masa kerja, meminimumkan urusan pengkeranian khususnya berkaitan dengan pengumpulan data PAFA dan PKSR di mana dalam masa yang sama, ia mampu untuk menghasilkan data/ laporan yang tepat, memudahkan proses pengemaskinian data murid dengan memperkenalkan penggunaan sistem *barcode*, proses penghantaran data secara atas talian yang bersifat fleksibel dan kemudahan semakan/ pembetulan ralat data sedia ada secara automatik/ manual serta ia sedapatnya bersifat mesra pengguna.

Kesimpulannya, I-MiS PAFA v2.0 merupakan perisian yang dirangka dan dijangka mampu memberikan kemudahan kepada Guru Pendidikan Islam/ Guru j-QAF dalam mengemaskini segala maklumat berkaitan dengan sekolah dan pelaksanaan program di bawah Pendidikan Islam khususnya pelaksanaan PAFA dan Pencapaian PKSR. Justeru itu, secara langsung teras PIPP ke-6 iaitu Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan dapat dipenuhi di samping dapat memartabatkan dan meningkat kualiti Pengurusan Pendidikan Islam di semua peringkat.

SOLATKU YANG 'ISTIMEWA'

Nor Asmawati Binti Ismail
SK Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah

CD yang bertajuk 'Solatku Yang 'Istimewa' direka khusus untuk keperluan murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah pembelajaran. CD ini mengandungi pembelajaran cara-cara berwuduk, azan dan solat. Namun, inovasi ini menekankan cara-cara berwuduk kerana ia telah diaplikasi kepada murid-murid dan pencapaiannya telah boleh dinilai. CD ini (cara-cara berwuduk) mengandungi gambar pegun, gambar bergerak, bacaan lafaz basmalah, niat wuduk dan penerangan tentang cara-cara berwuduk yang mana kesemua ciri-ciri ini boleh digunakan secara berasingan.

Pendekatan ini digunakan kerana murid-murid Pendidikan Khas tidak boleh menerima pembelajaran dengan menggunakan lebih daripada satu deria dalam satu masa. CD ini juga memperkenalkan cara mudah mengingat lafaz niat wuduk iaitu melalui nyanyian 'Mari Berwuduk'. Murid-murid ini juga mudah lupa pembelajaran yang telah dikuasai, oleh itu mereka perlu belajar dan mengulang kaji secara berterusan. CD ini membantu murid-murid belajar di rumah dengan bantuan ibu bapa. Hasilnya, penguasaan murid-murid dalam kemahiran berwuduk mencapai tahap yang membanggakan iaitu lebih 80% murid-murid telah mencapai objektif pembelajaran sekurang-kurangnya pada skala 2 (menguasai dengan bantuan minima daripada guru).

MENINGKATKAN PENGUASAAN DAN MENGENALI TOKOH ISLAM

Salehah Ali
SMK Seri Bintang Selatan, WP Kuala Lumpur
(tarik diri)

Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terdapat 6 bidang yang perlu dikuasai oleh pelajar Islam iaitu Tilawah Al-Quran, Hadis, , Aqidah, Ibadat, Tamadun Islam, Tokoh dan Adab Islamiyah. Namun, bidang Tamadun Islam dan Tokoh memberi refleksi yang minimum dalam penguasaan pelajar semasa Pengajaran dan Pemelajaran. Justeru, atas rasa tanggungjawab dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan, saya terpanggil untuk mencari alternatif membantu pelajar menguasai sekali gus beminat dalam mengenal sejarah Islam dan tokoh yang berkaitan.

Saya berusaha mencari cara yang sesuai dan berkesan untuk menarik minat pelajar menguasai bidang ini sekali gus mendapat refleksi positif yang memberansangkan. Saya mengenalpasti perkara yang diminati dan perkara yang boleh memberi kebosanan kepada pelajar. Daripada maklumat pelajar, saya mendapati bahawa pelajar lebih berminat dan tertarik dengan aktiviti luar kelas bergerak bebas berbanding dengan P&P dalam kelas semata-mata.

Rentetan daripada itu, saya mengajak pelajar saya bermain sambil belajar dengan mengadakan eksplorasi bestari. Hasil daripada aktiviti ini, pelajar sering mengajak untuk terus bermain dalam P&P yang seterusnya. Sebagai guru, saya tidak hanya menggunakan pendekatan yang sama dalam setiap P&P, malah saya akan sentiasa mencari pembaharuan dalam pedagogi pemelajaran.

KENAL DAN BEZA (KB)

Nor Bee Aziz
SMK Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang

KB adalah satu kaedah baru yang diperkenalkan dalam mempelbagaikan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Ianya satu kaedah yang menarik dan berkesan serta tidak memberi tekanan kepada guru dan murid. Murid akan menggunakan pelbagai deria dan pergerakan seperti menyentuh, melihat, berbincang, merujuk dan menjawab soalan. Kaedah ini menggunakan kad, dimana setiap kad mewakili satu fakta dalam tajuk yang hendak diajar. Murid dilatih mencari/ merujuk bagi mengenalpasti apakah fakta yang dimiliki atau kad yang dipegang seterusnya membezakan dengan fakta yang lain. Murid akan mendapat maklumat secara berkumpulan.

MESIN PENYEDIAAN DEBU DAN TISU TAYAMMUM

Mohd Hang Tuah Ismail
SMKA Naim Lil Banat, Kelantan

Inovasi baru yang dicetuskan ini adalah lebih bersifat teknikal. Ianya berkaitan dengan suatu prototaip mesin yang direka khusus untuk menyelesaikan masalah penyediaan debu tanah bagi tujuan pelaksanaan amali tayammum di sekolah. Melalui penggunaan prototaip mesin "Tahar 1" telah terbukti dapat meringankan beban guru dan menjadikan P&P lebih mudah, menarik serta menjimatkan kos. Selain itu prototaip Tahar 1 ini juga telah memberikan cetusan idea baru kepada innovator untuk mengutarakan penggunaan tisu berdebu tanah sebagai medium tayammum. Idea ini sebenarnya belum pernah diketengahkan oleh mana-mana individu dan ianya dilihat mampu menyelesaikan masalah umat Islam sejagat.

Penghasilan produk tisu tayammum yang dipersembahkan dalam bentuk pembungkusan segera sama seperti penyediaan serbuk minuman segera 3 in 1 pula dianggarkan akan dapat memberikan faedah yang begitu besar kepada jutaan umat Islam terutamanya ketika menghadapi beberapa keadaan seperti: ketiadaan air, penyakit yang memudaratkan jika terkena air, ketika bermusafir dengan pengangkutan udara yang mana penggunaan airnya amat terhad dan semasa latihan amali bertayammum .

TARANNUM INTERAKTIF SIRI 1

**Shamsul Arifin SUPian
SMK Abu Bakar, Perak**

MUDAH TAJFAZ

Ayob Mohd Ali
SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor

Mudah TAJFAZ ialah satu kaedah yang digunakan untuk murid mempertingkatkan keupayaan penggunaan tajwid serta mengaplikasikannya dalam tasmi' tilawah dan hafalan. TAJFAZ ialah singkatan bagi tajwid dan hafazan.

Objektif Mudah TAJFAZ ini adalah untuk meningkatkan kebolehan murid mengaplikasikan tajwid dalam tilawah dan hafalan. Mudah TAJFAZ ini digunakan melalui pendekatan teori dan praktikal ke atas murid yang mempunyai asas dalam tilawah al-Quran tetapi bermasalah dalam mengaplikasikan tajwid dalam tilawah dan hafalan.

Pendekatan yang digunakan ialah kaedah belajar mengikut modul yang dicadangkan dan penekanannya kepada penggunaan borang tasmi' hafalan yang disediakan. Mudah TAJFAZ ini dapat meminimumkan masa P&P kerana murid dapat menggunakan peruntukan masa yang diberi dengan semaksimum mungkin di samping dapat mengetahui kelemahan tilawah selepas di tasmi' oleh guru. Di pihak guru pula mereka dapat mengkategorikan murid mereka hasil dapatan menggunakan modul ini dan memperbaiki kelemahan dengan menjalankan latihan lain yang berkesan.

Proses P&P dalam Mudah TAJFAZ ini lebih kepada pendedahan teori dan cara tilawah tajwid melalui pendekatan mengenal sesuatu takrif hukum dengan mengenal makna secara harfi dan sifatnya dan seterusnya mengambil contoh tilawah melalui potongan surah yang paling banyak hukum tajwid yang dibincangkan sebagai cara bacaan.

Hasilnya murid dapat mengenal sesuatu hukum tajwid ini seterusnya diaplikasikan dalam tilawah dan hafalan melalui borang tasmi' yang disediakan mengikut tahap. Melalui borang ini murid dapat mengetahui tahap tajwid mereka kerana guru terus menandakan setiap kesalahan tilawah dalam borang yang disediakan. Murid seterusnya dapat memperbaiki kelemahan mereka dengan merujuk borang tersebut.

Kesimpulannya Mudah TAJFAZ ini sekiranya diaplikasikan ke atas murid mampu mempertingkatkan keupayaan mereka dalam pembacaan al-Quran dengan tajwid yang betul.